

PENGGUNAAN TEMPLAT MASALAH KAJIAN SEBAGAI ALAT PEDAGOGI DALAM PENYELIDIKAN PASCA SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM: SATU ANALISIS

THE USE OF THE RESEARCH PROBLEM TEMPLATE AS A PEDAGOGICAL TOOL IN POSTGRADUATE ISLAMIC STUDIES RESEARCH: AN ANALYSIS

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{1*}

Paiz Hassan²

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

Muhd Imran Abd. Razak⁴

Khadijah Abdullah⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.(email:paiz4186@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.(email:paiz4186@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.(email:paiz4186@uitm.edu.my).

⁵Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (e-mail: kha941023@gmail.com)

Article history

Received date : 23-4-2025

Revised date : 24-4-2025

Accepted date : 10-5-2025

Published date : 29-6-2025

To cite this document:

Yusof@Salleh, M. Y., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., Abd. Razak, M. I., & Abdullah, K. (2025). Penggunaan templat masalah kajian sebagai alat pedagogi dalam penyelidikan pasca siswazah pengajian Islam: Satu analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 167 - 176.

Abstrak: Artikel ini membincangkan peranan templat masalah kajian sebagai alat pedagogi dalam membantu pelajar pasca siswazah mengenal pasti, menyusun dan membina masalah kajian secara sistematis dalam bidang Pengajian Islam. Berdasarkan analisis ke atas tiga kajian kes berkaitan Qiraat, budaya berpantang wanita Melayu dan dakwah kepada komuniti nelayan pantai, artikel ini menilai bagaimana penggunaan templat membentuk struktur pemikiran ilmiah pelajar serta menyepakukan elemen literatur, konteks lapangan dan justifikasi syarak. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan templat bukan sekadar panduan teknikal, bahkan menjadi medium pemerksaan epistemologi pelajar dalam penghasilan penyelidikan yang sahih dan relevan. Artikel ini turut membentangkan implikasi pedagogi dan cadangan pengukuhan pelaksanaannya dalam latihan penyelidikan di institusi Islam.

Kata kunci: Templat masalah kajian, pedagogi penyelidikan, pasca siswazah, pengajian Islam, kajian kes.

Abstract: This article explores the role of the research problem template as a pedagogical tool in assisting postgraduate students to systematically identify, organise, and construct research problems within the field of Islamic Studies. Based on an analysis of three case studies related to *Qira'at*, Malay postpartum confinement culture, and *dakwah* (Islamic outreach) among coastal fishing communities, the article evaluates how the use of the template shapes students' academic reasoning structures and integrates elements of literature, field context and shari 'ah justification. The findings indicate that the template is not merely a technical guide, but also a medium for empowering students' epistemological awareness in producing authentic and contextually relevant research. This article also discusses the pedagogical implications and offers recommendations to strengthen its implementation in research training within Islamic institutions.

Keywords: Research problem template, research pedagogy, postgraduate, Islamic studies, case study.

Pendahuluan

Penyelidikan pasca siswazah dalam bidang Pengajian Islam menuntut kemahiran tinggi dalam merumus dan menyusun masalah kajian secara ilmiah dan berpaksikan realiti. Masalah kajian merupakan asas kepada pembinaan objektif, persoalan, dan metodologi sesuatu penyelidikan. Namun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar pasca siswazah sering kali menghadapi kesulitan dalam merumus masalah kajian secara tepat dan bersumber. Antaranya termasuk kekeliruan dalam membezakan antara latar belakang dan pernyataan masalah, kelemahan dalam penilaian literatur semasa, serta kegagalan menyelaraskan isu kajian dengan konteks semasa dan tujuan penyelidikan (Ismail, 2020; Mar Iman., 2016). Sebagai langkah pedagogi, pelbagai institusi pengajian tinggi telah memperkenalkan penggunaan templat masalah kajian sebagai alat bantu akademik dalam latihan penyelidikan. Templat ini menyediakan struktur asas yang memandu pelajar melalui fasa-fasa penting dalam pembinaan masalah kajian, termasuk sorotan awal literatur, konteks lokasi, serta keperluan justifikasi terhadap isu yang dibincangkan. Penggunaan templat ini selari dengan pendekatan pembelajaran berstruktur dan teori pembelajaran konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan secara aktif dan terkawal (Biggs & Tang, 2011).

Dalam konteks ini, artikel ini meneliti keberkesanan penggunaan templat masalah kajian dalam kalangan pelajar pasca siswazah Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak. Kajian kes yang dianalisis meliputi tiga domain yang berbeza iaitu pengajian *Qiraat*, amalan budaya berpantang wanita selepas bersalin dan pendekatan *dakwah* kepada komuniti nelayan pantai bagi mengenal pasti keberkesanan templat dalam membentuk struktur pemikiran ilmiah pelajar. Dapatkan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pemerkasaan pedagogi penyelidikan Islam dan pembentukan kerangka penyelidikan yang lebih kukuh dalam kalangan pelajar pasca siswazah.

Sorotan Literatur

Masalah kajian merupakan elemen teras yang menentukan arah, objektif dan skop penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan pascasiswazah, terutamanya dalam bidang Pengajian Islam, perumusan masalah kajian yang tepat dan berstruktur amat diperlukan untuk menghasilkan penyelidikan yang sahih dan bermakna. Namun begitu, sebahagian besar pelajar menghadapi kesukaran dalam membina masalah kajian yang bersifat kritikal, kontekstual dan berpaksikan literatur (Salmy, 2020).

Cabaran ini berpunca daripada beberapa faktor seperti kekurangan pendedahan kepada metodologi penyelidikan berstruktur, kelemahan dalam penilaian literatur terdahulu, dan ketidaktentuan dalam menyelaraskan isu semasa dengan kerangka epistemologi Islam. Menurut Rahimin Affandi Abd Rahim et al. (2008), kelemahan dalam kefahaman asas pedagogi penyelidikan turut menyumbang kepada ketiadaan naratif hujah yang tersusun dalam kalangan pelajar pascasiswazah. Hal ini menjadi lebih mencabar apabila pelajar terlibat dalam bidang yang merangkumi dimensi teks tradisional dan realiti kontemporari seperti fiqh, dakwah, atau budaya masyarakat. Penggunaan templat masalah kajian merupakan satu pendekatan pedagogi berstruktur yang bertujuan membantu pelajar menyusun permasalahan kajian secara sistematis. templat ini membimbing pelajar mengenal pasti isu utama, latar belakang, sorotan literatur, serta membina justifikasi terhadap keperluan penyelidikan mereka (Universiti Malaysia Kelantan, 2022). Pendekatan ini sejajar dengan teori pembelajaran konstruktivisme oleh Biggs & Tang (2011), yang menekankan peranan struktur dalam membantu pelajar membina pengetahuan melalui panduan reflektif dan kontekstual.

Dalam bidang Pengajian Islam, penggunaan templat dilihat amat membantu dalam mengintegrasikan pelbagai sumber ilmu – termasuk teks klasik, kajian kontemporari dan data lapangan – ke dalam satu naratif penyelidikan yang koheren. Kajian oleh Jasmi (2021) menunjukkan bahawa struktur seperti ini membolehkan pelajar mengenal pasti ruang penyelidikan baharu yang tidak hanya bersifat deskriptif, malah turut menyumbang kepada pembangunan wacana keilmuan Islam secara sistematis. Namun begitu, kajian lapangan secara empirikal terhadap keberkesaan penggunaan templat ini dalam kalangan pelajar Pengajian Islam masih kurang dijalankan. Oleh itu, penyelidikan terhadap praktik sebenar penggunaan templat dan bagaimana ia mempengaruhi pemikiran serta hasil penyelidikan pelajar perlu diberikan perhatian dalam landskap penyelidikan Islam di institusi pengajian tinggi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dokumen bertujuan menilai keberkesaan penggunaan templat masalah kajian sebagai alat pedagogi dalam kalangan pelajar pascasiswazah Pengajian Islam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam struktur penyampaian hujah, pemetaan isu, serta keutuhan logik ilmiah yang dibentuk menerusi pemanfaatan templat. Kajian ini berbentuk kajian kes intrinsik yang menumpukan kepada pemahaman mendalam terhadap fenomena tertentu dalam konteks yang spesifik, seperti yang diuraikan oleh Stake (1995). Tiga dokumen templat yang digunakan sebagai unit analisis mewakili bidang yang berbeza dalam Pengajian Islam: (i) Pendidikan Qiraat, (ii) amalan berpantang wanita Melayu, dan (iii) dakwah masyarakat nelayan pantai. Pemilihan dokumen dibuat secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan keterwakilan bidang, kekayaan kandungan serta nilai kontekstual bagi tujuan analisis perbandingan. Dokumen-dokumen tersebut telah disahkan penggunaannya dalam bimbingan penyelidikan oleh penyelia akademik di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak.

Pengumpulan data dijalankan melalui pengumpulan langsung ketiga-tiga dokumen templat. Setiap dokumen dibaca secara intensif dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik berdasarkan kerangka Creswell (2013). Proses analisis dijalankan dalam lima fasa utama. Fasa pertama bermula dengan pemilihan templat sebagai sampel kes. Fasa kedua melibatkan pembacaan mendalam dan pengekodan terbuka terhadap unit makna yang berkaitan dengan struktur masalah kajian seperti isu utama, konteks lokasi, sorotan literatur dan hujah penyelidikan. Dalam fasa ketiga, kod-kod tersebut dikelompokkan kepada tema-tema besar

yang mewakili dimensi analitik kajian. Fasa keempat melibatkan proses triangulasi melalui semakan bersama penyelia asal bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Akhir sekali, fasa kelima merangkumi interpretasi tematik dan penulisan deskriptif berdasarkan hasil analisis. Bagi menjamin integriti metodologi, langkah pengesahan dilakukan melalui triangulasi data, iaitu semakan silang dengan penyelia dan pemerhatian konsistensi interpretasi. Rekod jejak (audit trail) turut diselenggara sepanjang proses penganalisisan data untuk memastikan ketelusan metodologi serta kebolehulangan kajian. Melalui pendekatan ini, penyelidik berupaya mengenal pasti peranan dan impak sebenar penggunaan templat masalah kajian dalam membina pemikiran penyelidikan dan penguasaan epistemologi ilmiah pelajar pascasiswazah.

Dapatkan Kajian Dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan templat masalah kajian dalam kalangan pelajar pasca siswazah Pengajian Islam berfungsi sebagai alat pedagogi yang efektif dalam membantu mereka mengenal pasti, mengorganisasi dan menghuraikan isu penyelidikan secara lebih sistematis. Analisis terhadap tiga kes kajian iaitu kajian berkaitan amalan berpantang wanita Melayu selepas bersalin, kerangka dakwah untuk komuniti nelayan pantai, dan pembudayaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar tahfiz menunjukkan bahawa templat ini memainkan peranan penting dalam membina kecekapan akademik pelajar serta meningkatkan kejelasan pemahaman mereka terhadap struktur epistemologi ilmu.

Secara khusus, penggunaan templat membolehkan pelajar menyusun masalah kajian kepada beberapa tema utama yang berkaitan secara langsung dengan realiti lapangan mereka. Misalnya, dalam kajian Azlina, masalah amalan berpantang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu petua dan pantang larang, ritual penjagaan ibu, serta penjagaan bayi, yang masing-masing disokong dengan data lapangan dan sumber berita semasa. Penyusunan tematik ini selaras dengan cadangan Creswell dan Poth (2018) yang menyatakan bahawa analisis tematik membolehkan penyelidik melihat hubungan antara dimensi-dimensi isu dalam konteks yang kompleks.

Selain itu, templat ini turut meningkatkan kesedaran epistemologi pelajar dalam membezakan antara sumber sahih dan kepercayaan yang bercanggah dengan syariah. Dalam kajian Azlina, sebagai contoh, pelajar secara kritis membincangkan kepercayaan masyarakat terhadap ‘kenan’, sawan tangis dan gangguan makhluk halus dalam konteks berpantang serta mengaitkannya dengan keperluan membina kerangka syariah yang dapat memurnikan amalan tersebut. Keupayaan ini mencerminkan tahap pemikiran reflektif yang tinggi dalam kalangan pelajar, seperti yang dihuraikan oleh Brookfield (2017), bahawa latihan refleksi melalui bimbingan struktur dapat meningkatkan ketelitian analisis terhadap nilai-nilai yang dipertahankan dalam masyarakat. Dapatkan juga menunjukkan bahawa templat membantu pelajar menyusun permasalahan berdasarkan logik sintesis, bukan sekadar secara deskriptif atau naratif semata-mata. Dalam kes kajian Ideris, masalah penyampaian dakwah kepada nelayan pantai dianalisis bukan hanya pada tahap fenomena, tetapi turut mengaitkan dengan faktor-faktor sistemik seperti kekurangan pendakwah, ketidaksesuaian kaedah penyampaian, dan kebergantungan kepada bantuan material semata-mata. Kajian ini menyokong dapatan Stake (1995) yang menekankan keperluan penstrukturkan yang jelas dalam kajian kes agar penyelidik dapat menelusuri hubungan sebab-akibat secara empirikal dan naratif.

Lebih penting lagi, penggunaan templat turut mendedahkan pelajar kepada penggunaan sumber rujukan yang sahih dan terkini. Ini dapat dilihat dalam kesemua templat yang dianalisis, yang menggunakan pelbagai bahan ilmiah seperti jurnal, tesis, laporan kementerian, dan liputan

media arus perdana. Kajian Anita Ismail et.al (2020) menegaskan bahawa para pelajar merangkumi pelajar pascasiswah yang terdedah kepada kaedah sistematik dalam mengenal pasti masalah cenderung untuk lebih teliti dalam menilai kesahihan sumber yang digunakan dalam kajian mereka. Tambahan pula, templat ini membentuk kesedaran kontekstual yang tinggi dalam kalangan pelajar. Kesemua kajian memperlihatkan penghargaan terhadap konteks lokal sebagai asas kepada pemilihan tajuk dan rasional kajian. Kajian Azlina menonjolkan variasi adat berpantang yang diamalkan di Perak, manakala Ideris menyoroti kerentanan komuniti nelayan dari daerah-daerah tertentu seperti Manjung dan Larut Matang. Penekanan terhadap konteks ini merupakan sebahagian daripada pendekatan hermeneutik Islam yang mendukung tafsiran ilmu berdasarkan realiti setempat (Al-Attas, 2023).

Akhir sekali, penggunaan templat memperkuuh prinsip andragogi dalam pendidikan pascasiswazah. Pelajar mampu mengatur sendiri logik hujahan masalah mereka dan berperanan aktif dalam meneliti isu berdasarkan pengalaman, pembacaan dan pengamatan mereka. Knowles et al. (2015) menyatakan bahawa pembelajaran orang dewasa menjadi lebih berkesan apabila mereka dilibatkan secara langsung dalam proses penyusunan dan pemilihan isu yang ingin dikaji. Maka, penggunaan templat bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga memperkasa kemahiran penyelidikan kendiri dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa templat masalah kajian dapat dijadikan sebagai instrumen pedagogi yang efektif untuk melatih pelajar pascasiswazah menyusun masalah penyelidikan secara sistematis, menyeluruh dan berasaskan konteks. Ia memperkuuh keupayaan mereka dalam penghasilan tesis atau artikel penyelidikan yang lebih teratur, ilmiah dan bernilai sumbang terhadap penyelesaian isu dalam masyarakat.

Jadual 1: Templat Masalah Kajian Untuk Pelajar Master & PHD Pengajian Islam bagi Tajuk “Pembudayaan Asas Qiraat Dalam Kalangan Pelajar Wanita Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), Negeri Perak

NAMA PENGARANG, TAHUN	RUJUKAN (APA STYLE)	MASALAH
Zaid, Redha & Firdaus, 2020	Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2020). Sejarah pembelajaran ilmu qiraat di Darul Quran: Satu pemerhatian. <i>Jurnal Qiraat</i> , 1(3), 26-38.	<ul style="list-style-type: none"> Tak minat. <p>“Kekurangan minat pada diri pelajar adalah perkara yang sering berlaku. Perkara ini terjadi kerana kewujudan pemikiran bahawa ilmu Qiraat tidak berkait dengan kehidupan sehari-hari seperti ilmu Fiqh dan Tauhid.”</p>
Zainora & Lukman, 2019	Zainora Daud & Muhammad Lukman Ibrahim. (2019). Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran USIM. <i>Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs</i> , 3, 46-53.	<ul style="list-style-type: none"> Sumber rujukan kurang dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu penambahbaikan. <p>“Kekurangan bahan-bahan rujukan menjadi salah satu punca para pelajar tidak mampu menguasai Qiraat (Ab Rahman Abd Gahni, 2012).”</p> <p>“Menurut Irfan Aiman sesuatu strategi pengajaran menggabungkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran untuk mencapai kesan pengajaran yang optimum sekali. Strategi yang baik akan menggunakan masa, tenaga serta kos yang paling sedikit tetapi menghasilkan kesan pengajaran</p>

		pembelajaran yang paling maksimum (https://www.academia.edu).”
Junaidi & nasir, 2019	Ahmad Junaidi Mohamad Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (25 Oktober 2020). <i>Hubungan minat dengan tahap penguasaan qiraat al-sab'ie dalam kalangan pelajar kelas membaca dan menghafal al-Quran (KKQ)</i> . https://jundi75.wordpress.com/wp-content/uploads/2020/10/5.-jurnal-minat.pdf	<ul style="list-style-type: none"> Minat pelajar dan pengajaran guru. “faktor minat secara asasnya boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam menguasai Qirā'āt al-Sab'ie, tetapi minat bukanlah faktor utama yang boleh mempengaruhi prestasi penguasaan seseorang. Faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehan pelajar seperti faktor kecerdasan, konsep kendiri, strategi pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya perlu dititikberatkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran Qirā'āt al-Sab'ie.”
Junaidi, 2018	Ahmad Junaidi Mohd Said. (2018). <i>Faktor penguasaan qiraat al-sab'ie dalam kalangan pelajar kelas khas membaca dan menghafal al-quran (KKQ) di negeri Perak</i> [Tesis Master, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)].	<ul style="list-style-type: none"> Guru dan pelajar antara punca kelemahan menguasai ilmu Qiraat. “Faktor kelemahan Qirā'āt al-Sab'ie adalah kelemahan pelajar sendiri dan guru tidak memiliki pengetahuan secukupnya dalam Qirā'āt al-Sab'ie.” Bacaan al-Quran lemah. “kelemahan pelajar dalam menguasai membaca Qirā'āt al-Sab'ie. Ia berfokus kepada ketidakupayaan mereka menguasai membaca al-Quran dengan wajh-wajh bacaan Qirā'āt al-Sab'ie.” Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan kegagalan ramai pelajar sekolah rendah dan menengah yang masih di peringkat lemah dalam menguasai bacaan al-Quran (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi 2003; Mohd Rahmat 2004).”
Ashraf, Halim & Hudaa, 2019	Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri & Nurul Hudaa Hassan. (2019). Pelaksanaan amalan talaqqi dan mushafahah dalam kalangan pensyarah tahniz al-Quran di Malaysia. <i>ISLAMIYYAT</i> , 41(1), 93-98.	<ul style="list-style-type: none"> Guru mendakwa menggunakan kaedah talaqqi dan mushafahah dalam pengajian hafazan al-Quran namun sebaliknya mereka lebih mengamalkan kaedah tasmik disebabkan masa yang tidak mencukupi. <p>“Berdasarkan pemerhatian didapati kaedah tersebut tidak diamalkan kerana mereka lebih mengutamakan kaedah tasmi’. Kaedah ini juga merupakan kaedah yang paling banyak diamalkan dalam pengajaran hafazan al-Quran.”</p>
Junaidi & Abdul Nasir, 2016	Ahmad Junaidi Mohd Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (2016). Hubungan motivasi dengan tahap penguasaan qiraat al-sabie dalam kalangan pelajar kelas kemahiran al-Quran (KKQ) di negeri Perak. <i>Online Journal Of Islamic Education</i> , 4(2), 36-45.	<ul style="list-style-type: none"> Penguasaan dan kemahiran Qiraat masih lemah. <p>“pelajar KKQ sebenarnya bermotivasi untuk menguasai qira'at al-Sab'e namun begitu ia tidak cukup untuk membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut.”</p> <p>“Faktor-faktor lain khasnya berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran</p>

		mesti diberikan perhatian yang serius bagi membantu penguasaan pelajar KKQ dalam menguasai qira'at al-Sab'ie.”
Irham, 2020	Muhammad Irham. (2020). Implikasi perbedaan qiraat terhadap penafsiran al-Quran. <i>Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir</i> , 5(1), 55-61.	<ul style="list-style-type: none"> Pandangan yang menyatakan bahawa perbezaan bacaan Qiraat tidak memainkan peranan penting dalam penafsiran al-Quran. “Data yang ditemukan menunjukkan sebaliknya, di beberapa tempat perbedaan qiraat sangat mempengaruhi penafsiran bahkan memberikan kontribusi yang penting dalam pengambilan keputusan (istinbat) hukum.”
Zainora, Hayati, Khairul & Shamsul, 2018	Zainora Daud, Hayati Hussin, Khairul Anuar Mohamad & Mohd Shamsul Hakim Abd Samad. (2018). Pengajian qiraat di fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM: Analisis terhadap tahap kefahaman qiraat. <i>Journal of Fatwa Management and Research</i> , 13(1), 288-300.	<ul style="list-style-type: none"> Penguasaan al-Quran dan ilmu Tajwid lebih baik berbanding dengan ilmu Qiraat “faktor pengalaman sebelum mereka memasuki fakulti kerana sebahagian besar mereka tiada pendedahan kelas khusus melainkan pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafs ‘an Ashim.”
Izhar, 2021	Mohd Izhar Daud. (2021). Pembelajaran ilmu qiraat di sekolah menengah. In Ahmad Syahir Ahamad NZLY, Mardhiah Yahaya, Rohana Zakaria & Mohamed Redha Mohamad (Eds.), <i>Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Siri 1</i> (pp. 53-63). Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. https://conference.uis.edu.my/natiq/images/ecib/ECIB_NATIQ21.pdf	<ul style="list-style-type: none"> Belajar kerana terpaksa. “Terdapat segelintir pelajar tidak meminati ilmu Qiraat. Mereka belajar hanya kerana terpaksa mengambil matapelajaran Maharat al-Quran sehingga menyebabkan mereka tidak mengambil berat terhadap ilmu Qiraat. Perkara ini juga terjadi kerana mereka tidak dapat mengaitkan ilmu Qiraat dalam kehidupan sehari-hari.” Masa yang terhad. “Matapelajaran Maharat al-Quran hanya dapat dilaksanakan sekali sahaja dalam seminggu. Tempoh ini sangat singkat bagi pelajar mendalamai ilmu Qiraat.”
Abd. Rahman & Mardhiah, 2021	Abd. Rahman Abd Ghani & Mardhiah Yahaya. (2021). Bentuk dan kaedah pelaksanaan kurikulum institusi tahniz persendirian di negeri Johor. <i>Jurnal Qiraat</i> , 4(2), 11-23.	<ul style="list-style-type: none"> Kurikulum yang dilaksanakan di negeri Johor yang melibatkan pengajian tahniz swasta tiada pengajian ilmu Qiraat. “bentuk dan kaedah pelaksanaan perlu diberi penambahbaikan agar kurikulum yang ditawarkan mampu melahirkan generasi huffaz yang berilmu, berketerampilan dan berdaya saing.”
Muhammad Syafee, Muhammad Fairuz & Shaharuddin, 2022	Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A.Adi & Shaharuddin Pangilun. (2022). Minat dan kefahaman ilmu Taujih al-Qiraat dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahfiz al-Quran KUIS. In Ahmad Syahir Ahamad NZLY, Nurhanisah Senin, Muhammad Aizat Syimir Rozani & Mohamad Redha Mohamad (Eds.), <i>Pendidikan pemangkin peradaban Islam</i> (pp. 50-56). Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.	<ul style="list-style-type: none"> Lemah dalam bahasa Arab “punca utama kelemahan kefahaman subjek ini adalah disebabkan kelemahan mereka dalam menguasai bahasa Arab.”

Misnawati, 2014	Misnawati. (2014) Qiraat al-Quran dan Pengaruhnya terhadap istimbath hukum. <i>Jurnal Mudarrisuna</i> , 4(1) 78-104.	<ul style="list-style-type: none"> Timbul persoalan apakah perbezaan lafaz-lafaz Qiraat mempengaruhi hukum. “berbedanya qira’at ada yang berpengaruh terhadap istimbath hukum dan ada pula yang tidak berpengaruh.
Hilmi, Kamarul & Rahimi, 2011	Mohd Hilmi Rozali, Kamarul Azmi Jasmi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. (2011). Pemahaman guru tentang konsep asas ilmu Qiraat, Qiraat Imam Asim dan Qiraat Imam Hamzah. <i>Journal Of Islamic And Arabic Education</i> , 3(2), 61-72.	<ul style="list-style-type: none"> Tahap pengetahuan guru dalam ilmu Qiraat berada di tahap yang baik namun masih ada kekurangan dari aspek pemahaman konsep ilmu tersebut. “Menyentuh tentang pengetahuan sedia ada kedua-dua responden terhadap ilmu Qiraat, mereka mengakui mempunyai pengetahuan pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ada beberapa konsep yang perlu dimantapkan.”
Aini, Hamid, Khairi & Khadafi, 2023	Aini Haslina Abdul Hamid, Mohamad Khairi Othman & Mohamad Khadafi Rofie. (2023) Kemahiran ilmu Qiraat berdasarkan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru kelas kemahiran al-Quran. <i>Jurnal Qiraat</i> , 6(2), 35-50.	<ul style="list-style-type: none"> kurang mahir dalam teknik pengajaran “guru KKQ perlulah memainkan peranan dalam memastikan aspek kemahiran dalam PdPc mereka sentiasa relevan dan terkini sesuai mengikut peredaran semasa bagi memastikan bidang pendidikan di negara kita berada pada tahap yang tertinggi.
Hakim, Thoriq, Sholeh & Mat Rani, 2024.	Abdul Hakim Mahadzir, Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mat Rani Abdul Manaf. (2024). Mastery level of qiraat study at Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah International Islamic University (UniSHAMS). <i>International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences</i> . 14(1), 1896-1906.	<ul style="list-style-type: none"> Lemah penguasaan Qiraat menjelaskan kesucian al-Qiraat. “Misreading will affect the true meaning of the Qur'an. Errors related to the knowledge of Qiraat will occur when students have not mastered the entire or complete study of Qiraat through the theory and practice that is being studied formally.
Hayati, Rahim, Abd Rahman, Hafiz & Zainatul, 2022	Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Abd Rahman Abd Ghani, Muhammad Hafiz Saleh & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2022). Students' perceptions toward the usage of technology as medium for T & L of Qiraat during covid-19: A case study on undergraduate students at Universiti Sains Islam Malaysia. <i>Journal of Management and Marketing Review (JMMR)</i> , 12(8), 878-885.	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan teknologi ada kelebihan dan kekurangannya dalam pembelajaran ilmu Qiraat. Kelebihan teknologi memudahkan dalam pembelajaran. Kekurangan seperti masalah internet yang terbatas. “Continuous implementation of T&L needs to be implemented with a variety of alternatives sources. Therefore, no matter what the situation occurred, all parties have to ensure that the T&L Qiraat program could done. This process requires the cooperation from all parties; students, lecturers, and parents. The usage of technology as mediums for T&L should be seen from a positive point of view because the T&L of Qiraat is required discipline in order to master it.

Zaid, Ikram, Izzat, Mujahid & Adam, 2022	Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohd Ikram Mohd Nawi, Muhammad Izzat Ngah, Mujahid Ahmad Lutfi & Nur Adam Azami Abdullah. (2022). Tahap penguasaan manhaj Qiraāt Imam Warsh: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <i>Jurnal Qiraat</i> , 5(1), 45-54.	<ul style="list-style-type: none"> • Penguasaan manhaj Qiraat Imam Warsh baik namun perlu dipertingkatkan lagi dan masalah masa. <p>“tahap penguasaan siswa JTQQ KUIS terhadap Qiraāt Warsh ‘an Naafi’ secarakeseluruhan adalah pada tahap tinggi walaupun terdapat sebahagian pada tahap sederhana.”</p> <p>“Peruntukan masa juga perlu dikaji semula dan ditambah baik dalam sistem pengajian qiraāt lebih-lebih lagi subjek Qiraāt Amali yang memfokuskan kaedah talaqqi dan musyafahah. Umum mengetahui bahawa proses pengajaran dan pembelajaran secara bertalaqqi mengambil masa yang lama khususnya ilmu qiraāt.</p>
Andayani, Aderi & Khadijah, 2021	Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2021). Amalan guru dalam pengajaran subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. <i>Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs</i> , 5, 39-50.	<ul style="list-style-type: none"> • Guru kurang melaksanakan amalan pengajaran dan kurang mahir. <p>“terdapat sebilangan guru yang kurang melaksanakan amalan pengajaran yang dirasakan sesuai bagi mata pelajaran Maharat al-Quran.”</p> <p>“Namun masih terdapat 157 orang guru kurang kerap, 79 guru tidak kerap dan 40 orang guru sangat tidak kerap menggunakan internet bagi silibus pelajaran Maharat al-Quran yang bersesuaian.</p>

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan templat masalah kajian telah berfungsi sebagai alat pedagogi yang berkesan dalam membantu pelajar pasca siswazah Pengajian Islam menguasai kemahiran asas penyelidikan secara sistematik dan terarah. Penerapan templat tersebut telah memberi panduan struktur yang jelas kepada pelajar dalam mengenal pasti, menghuraikan dan mengembangkan isu kajian yang bersifat kompleks dan kontekstual. Analisis ke atas tiga kajian kes yang dijalankan oleh pelajar pascasiswazah dalam pelbagai bidang Pengajian Islam menunjukkan bahawa penggunaan templat ini telah membantu pelajar menghasilkan penulisan masalah kajian yang terperinci, bertema dan bersandarkan kepada sumber akademik yang sah serta konteks sosial yang relevan. Secara umumnya, penggunaan templat membina keupayaan pelajar dalam menyusun hujah berpaksikan prinsip epistemologi Islam, selain melatih mereka melakukan refleksi kritikal terhadap fenomena yang dikaji. Pelajar bukan sahaja lebih berupaya dalam memahami dimensi isu secara mendalam, tetapi juga mampu menjelaskan rasional kajian dengan menyertakan sokongan empirikal dan teoritikal. Penggunaan templat juga ternyata memperkuuh prinsip pembelajaran kendiri (self-directed learning) yang amat penting dalam pendidikan pascasiswazah selaras dengan pendekatan andragogi yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman, masalah dan keperluan penyelidik dewasa.

Saranan

Berdasarkan dapatan dan kesimpulan kajian, beberapa saranan penting dapat dikemukakan bagi memperkuuh lagi penggunaan templat masalah kajian dalam konteks pendidikan tinggi, khususnya dalam bidang Pengajian Islam. Pertama, pihak institusi pengajian tinggi disarankan untuk memperkenalkan penggunaan templat masalah kajian secara rasmi dalam kursus-kursus

metodologi penyelidikan. Penyediaan templat yang berpandukan kepada struktur masalah kajian yang sahih dan sistematik dapat menjadi alat bantu pedagogi yang efektif bagi pensyarah dalam membimbing pelajar menyusun idea secara logik dan berasaskan kerangka akademik. Kedua, pensyarah dan penyelia penyelidikan disaran untuk membimbing pelajar menggunakan templat ini secara berterusan, bukan hanya pada peringkat awal penyelidikan. Dengan itu, pelajar akan sentiasa dapat menilai kembali rasional dan kejelasan masalah kajian mereka sejajar dengan perkembangan literatur dan data lapangan. Hal ini juga akan membantu pelajar mengelakkan kesalahan biasa seperti isu penyelidikan yang terlalu umum, tidak relevan atau tidak signifikan. Ketiga, penyediaan templat perlu mengambil kira keperluan bidang Pengajian Islam yang bersifat dinamik, integratif dan kontekstual. Templat yang dibangunkan perlulah bersifat fleksibel agar sesuai digunakan dalam pelbagai cabang disiplin Islam seperti fiqh, akidah, pendidikan Islam, qiraat dan lain-lain. Elemen yang merangkumi konteks budaya, kepentingan syariah dan nilai masyarakat juga wajar dimasukkan agar templat ini benar-benar berfungsi dalam rangka *worldview* Islam. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan untuk menilai secara empirikal keberkesanan penggunaan templat masalah kajian dari sudut pencapaian akademik, tahap literasi penyelidikan dan kemahiran penulisan dalam kalangan pelajar. Kajian tindakan (action research) boleh dilakukan dalam kalangan pensyarah kursus metodologi penyelidikan bagi menilai sejauh mana templat ini menyumbang kepada peningkatan kualiti penyelidikan pelajar.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (2023). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: UTM Press.
- Biggs, J., & Tang, C. (2011). *Teaching for Quality Learning at University* (4th ed.). McGraw-Hill Education.
- Brookfield, S. D. (2017). *Becoming a critically reflective teacher* (2nd ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Iman, A.H.M. (2016). *Kaedah penyelidikan & penulisan laporan projek tahun akhir*. Jeli : Universiti Malaysia Kelantan.
- Ismail, A., Ismail , F.L.M., Mohamad, A.S., Nizah,M.A.M., Latiff, L.A., Sulaiman, M., Yacob, S.N.M.& Kandil, H.M.T.E. (2020). Pembentukan pemikiran kreatif dan kritis: Hubungannya dalam menyelesaikan masalah. *Sains Insani*. 5 (1), 43-47.
- Ismail, A.M. & Muhamad, N. (2020). Cabaran Pembelajaran Pelajar Lepasan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 1-12.
- Jasmi, K. A. (2021). Ruang Kajian dalam Pengajian Islam. Siri 2. *Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif dan Analisis Data*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/354797710>
- Knowles, M. S., Holton, E. F., & Swanson, R. A. (2015). *The adult learner: The definitive classic in adult education and human resource development* (8th ed.). Oxon: Routledge.
- Rahim, R.A.A, Ismail, P., Mohamad, S., Dahlal, N.H.M., Nordin, B. (2008). Paradigma Pemikiran Pengajian Islam Semasa: Analisis Pedagogi. *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 13–34. Retrieved from <https://ejournal.uum.edu.my/index.php/jgd/article/download/14024/3184>
- Salmy, D. (2020). *Penulisan Proposal Penyelidikan*. AnyFlip. Retrieved from <https://anyflip.com/sakua/wpxd/basic>
- Stake, R. E. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Universiti Malaysia Kelantan. (2022). *Garis Panduan Penyediaan Laporan Penyelidikan Pengajian Siswazah* (Edisi ke-3 2022). Retrieved from <https://cps.umk.edu.my/download/download/Thesis%20Guideline%203rd%20Edition%20UMK%202022.pdf>